

MENGENANG PAK KHIR JOHARI

Era Baru -
9/3/2007



Isteri yang setia dan penyayang... Puan Sri Christine sentiasa berada di sisi Pak Khir untuk membantu beliau.

SUNGGUHPUN kesihatan Tan Sri Mohd Khir Johari beberapa bulan sebelum pemergianya, agak membimbangkan, saya tidak menyangka langsung yang bekas Menteri Pelajaran dan pejuang tulen Melayu itu akan meninggal kita dengan mengejut. Di akhir-akhir hayatnya Pak Khir kerap memanggil saya untuk mendapatkan pandangan dalam beberapa perkara tertentu. Saya berasa terharu di atas penghormatan dan penghargaan yang beliau tunjukkan kepada saya.

Pada pagi hari Pak Khir meninggal dunia, isterinya Puan Sri Christine, telah menghubungi rumah saya tetapi malangnya saya tidak berada dirumah pada waktu itu.

Apapun, apabila diberitahu kemudian oleh pembantu rumah bahawa Puan Sri Christine menangis dalam telefon maka saya sudah sedia menerima berita yang tidak baik dari beliau.

Saya diberitahu bahawa sebelum kejadian yang amat menyedihkan itu, Pak Khir bersarapan pagi dan kelihatan sihat.

Bagaimanapun, Pak Khir difahamkan tidak boleh bernafas setelah menelan makanan dan seterusnya membawa maut kepada Allahyarham yang saya hormati lagi kasihi itu. Ketika meninggal dunia Pak Khir berusia 83 tahun.

Hubungan saya dengan Pak Khir sudah lama terjalin iaitu sejak saya mengenali almarhum Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Ketika Tunku menjadi tetamu khas dimajlis perasmian syarikat perunding saya, *PBC Management Services* yang berpusat di Wisma Central, Kuala Lumpur pada tahun 1985, Pak Khir adalah salah seorang tetamu saya. Pak Khir juga tidak pernah menghampakan keatas undangan saya ke majlis Hari Raya Aidilfitri dan tetap hadir di majlis perkahwinan ketiga-tiga orang anak lelaki saya.

Sesungguhnya menurut Puan Christine, Pak Khir telah membuat rancangan untuk hadir di majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri saya pada 26 Disember, 2006, tetapi 'malang tidak berbau' apabila pada 19 November 2006, Pak Khir telah menghembuskan nafas terakhirnya jam 10.40 pagi.

Kali terakhir Pak Khir memenuhi jempukan saya ialah pada 05 Julai 2006 apabila beliau dan isteri bersama dua tokoh veteran UMNO iaitu bekas Ketua Kaum Ibu, Tun Fatimah Hashim, dan Tan Sri Saleha Mohd Ali menjadi tetamu saya di majlis makan tengah hari di kediaman saya.

Peristiwa tersebut dimana saya berjaya

ya membawa dan meraikan ketiga-tiga veteran UMNO itu akan sentiasa menjadi kenangan manis kepada saya sekeluarga buat selama-lamanya.

Jenazah Pak Khir telah dibawa ke Masjid Negara untuk dimandi dan dikafankan. Saya berada disitu ketika kerja-kerja membersihkan jenazah oleh pekerja-pekerja Masjid Negara.

Sebelum itu, saya telah membuat panggilan telefon dan memberitahu sebanyak mungkin sahabat lama dan kenalan Pak Khir kerana mungkin mereka tidak mengetahui tentang pemergian Pak Khir pada pagi hari tersebut.

Saya juga telah meninggalkan pesanan untuk Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak tentang pemergian Pak Khir dan cuba juga memberitahu pegawai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi yang ketika itu berada di luar negara.

PENGHORMATAN

Saya ingin melihat agar jenazah pejuang Melayu itu di kebumikan di perkarangan Masjid Negara berdekatan dengan beberapa rakan seperjuangannya.

Sesungguhnya, saya berbangga kerana Pak Lah telah pun mengarahkan supaya Pak Khir diberi penghormatan dengan jenazahnya disemadikan diperkarangan Masjid Negara.

Dalam pada itu, saya teringat kembali kepada kepergian seorang lagi pejuang bangsa iaitu bekas Menteri Penerangan dan bekas Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Senu Abdul Rahman yang meninggal dunia setelah beberapa minggu dirawat di Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Apabila saya mengunjunginya, beliau tidak sedarkan diri dan tidak sesia pun diantara



**IDRIS
TULIS
MENULIS**



Pak Khir ketika menunaikan fardhu Haji pada tahun 2006. Kelihatan Pak Khir bersama isteri, Puan Sri Hajjah Christine dan salah seorang anak lelakinya.




Menjadi tetamu khas veteran-veteran UMNO di kediaman penulis. Dari kiri (duduk) Tun Fatimah Hashim; Tan Sri Saleha Mohd Ali; Datin Ramiah Idris dan Pak Khir bersama Puan Sri Christine. Berdiri ialah Idris Tulis, Fouad Adam Idris, Rizal Shah Idris dan Rafiq Idris. Berdiri dibelakang ialah pembantu Tun Fatimah.



Pak Khir diapit oleh isteri yang kelihatan ceria ketika menghadiri majlis Rumah Terbuka SPB yang DiPertuan Agong di Istana Negara suatu ketika dahulu.



Dalam hujan lebat yang turun membasahi bumi, jenazah Allahyarham, Tan Sri Mohd Khir Johari sudah sedia untuk diturunkan ke lubang lahat.



Puan Sri Christine berjalan dihadapan keranda suami yang tersayang diiringi oleh dua orang anak lelaki beliau, Zairil dan Yusri.

rakan-rakan seperjuangan yang berada disisi beliau semasa lawatan saya itu.

Senu menghem buskan nafas terakhirnya beberapa hari kemudian. Jenazah beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Orang Islam di Ampang yang berjauhan daripada rakan-rakan seperjuangannya yang lain yang telah diberi penghormatan disemadikan di Masjid Negara.

Saya difahamkan, Perdana Menteri ketika itu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Tun) berada diluar negara dan beliau tidak diberitahu tentang kepergian sahabat lama beliau itu.

Sekembalinya, difahamkan beliau agak kecewa dan kesal kerana tidak diberitahu tentang kepergian Senu itu. Difahamkan Dr. Mahathir mahu Senu disemadikan di perkarangan Masjid Negara kerana Allahyarham telah banyak menyumbang dan menabur jasa kepada parti dan negara.

Berbalik kepada cerita Pak Khir, beliau juga telah berkhidmat sebagai Duta Besar Negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berpusat di New York dan Duta Besar Negara ke Washington, D.C. untuk beberapa tahun. Pak Khir amat terkenal dengan lawak jenaka nya.

Menurut Tunku ia itu pada satu majlis jamuan rasmi untuk meraikan tetamu negara dari Thailand, Raja


Thailand, Tunku telah meletakkan Pak Khir duduk disebelah Raja Thailand itu.

Tunku dapati Raja itu tidak berhenti-henti ketawa. Apabila Tun ku bertanya kepada Raja Thailand itu apa yang membuatkan beliau amat geli hati, Raja itu memberitahu Tunku bahawa, Pak Khir telah menghiburkan beliau dengan lawak jenakanya.

Dihari kelahiran Pak Khir yang ke 80 ramai sahabat handai dan rakan-rakan lama beliau telah hadir termasuk Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Tengku Razaleigh, dan ramai lagi.


Dalam ucapannya, Pak Khir mendedahkan kepada para hadirin yang penuh sesak dalam dewan itu baha

• LIHAT MUKA 6



Gambar yang dirakamkan oleh penulis ketika Ratu Elizabeth II dan suaminya Putera Philips melawat Malaysia. Kelihatan bekas Perdana Menteri dan Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Ratu Elizabeth II dan Putera Philips. Berdiri dibelakang ialah Pak Khir Johari dan isteri pertama beliau, Allahyarhamah Che Tom.

> Kenangan manis... Pak Khir ditemani isteri menjadi tetamu penulis pada majlis rumah terbuka tiga tahun dahulu. Kelihatan juga dalam gambar Tan Sri Aziz Tapa; Tan Sri Muhammad Hj. Muhd Taib; Tan Sri Onn Ismail; Tan Sri Aisyah Ghani serta keluarga dan Dato' Abdul Rahman Hamid berdiri dibelakang.



< Bergambar kenangan selepas menjadi tetamu Pak Khir dan isteri dimajlis makan malam di Kelab Raintree tidak lama dahulu. Kelihatan dari kiri, Rizal Shah Idris; Dato' Dr Freezailah; penulis; anak lelaki Pak Khir; Pak Khir; Puan Sri Christine; Datin Ramlah Idris dan Datin Tunku Miaryam Jiwa.



> Gambar Pak Khir bersama bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ketika menunaikan fardhu haji berbelas tahun dahulu.



Pak Khir dan Pn. Sri Christine ketika dibawa oleh penulis menemui Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim.

• **LIHAT MUKA 5**

wa apabila Pak Lah hen dak meminang Datin Seri Endon, bapa Endon (Dato' Mahmood Ambak) telah terlebih dahu lu bertanya kan kepada Pak Khir sama da Abdullah Ahmad Badawi seorang yang baik dan sesuai untuk dija dikan menantu beliau. Pak Khir menyokong penuh ten tang pilihan Endon itu. Kata-kata itu telah disambut de ngan riuh rendah dan gelak ketawa oleh para hadirin dan Pak Lah sendiri.

Ketika berada dalam kerajaan, Pak Khir enggan me nerima apa jua darjah atau gelaran dan hanya bersetuju setelah dipujuk beberapa kali. Pak Khir akhirnya ber setuju dianugerahkan dengan darjah **'Tan Sri'** oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail, pada 21 Jun 1986.

Menyebut tentang darjah, saya telah menulis surat kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas Pak Khir dengan diberi pengiktirafan lebih tinggi seperti **'Tun'** diatas jasa-jasa beliau yang sudah-sudah apatah lagi ketika itu pula kesihatan Pak Khir sudah membimbangkan. Beberapa hari selepas mengirim surat tersebut saya bertembung dengan Pak Lah di satu majlis. Beliau mengucapkan terima kasih diatas surat saya itu.

BERJUANG

Apa pun, agaknya Pak Khir tidak bernasib baik untuk menerima darjat tersebut dimasa hayatnya. Bagaimana napun, saya percaya ramai diantara rakan seperjuangan dan sahabat handai Allahyarham bersetuju dengan cada ngan saya itu untuk mengenang jasa-jasa dan sumbangan Allahyarham kepada bangsa dan negara yang bermula dari sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi.

Apa yang dikesali sangat ialah semasa riwayat hidu nya Pak Khir tidak dapat menulis buku tentang diri dan pengalaman beliau samaada ketika berjuang dalam UMNO yang bermula sebelum negara mencapai kemeerde kaan ataupun ketika beliau berada dalam kerajaan seba gai menteri dan duta. Apa pun saya difahamkan oleh Pak Khir dan Puan Sri Christine, mereka telah didatangi se orang profesor dari Universiti Malaya yang telah mena warkan untuk membukukan riwayat hidup Pak Khir.

Pak Khir bersetuju dan telah memberikan wang penda huluan kepada profesor tersebut dan kemudiannya apa bila profesor tersebut meminta wang lagi Pak Khir menu naikannya. Tetapi, apabila Pak Khir bertanyakan hasil dari kerja-kerja yang telah dibuat, profesor tersebut tidak dapat menunjukkan apa-apa seperti yang dijanjikan, sehinggalah ke saat tamatnya riwayat Pak Khir.

Dengan kepergian Pak Khir itu, **ERA BARU** telah kehilangan seorang lagi pembaca setia kerana Allahyar ham begitu minat membaca akhbar itu seperti juga Allah yarham Tun Ghafar Baba yang kembali ke rahmatullah pada 23 April 2006. Justeru, saya bersama kakitangan **ERA BARU** mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada balu Allahyarham, Puan Sri Hajah Christine dan kedua-dua anaknya Zairil dan Yusri serta anak-anak Allahyar ham Pak Khir hasil dari perkahwinannya yang pertama, dengan Che Tom.

Didoakan agar roh Allahyarham Pak Khir ditem patkan bersama-sama orang yang soleh. **Al-fatimah.**

Salinan surat yang dikirm penulis kepada Pak Lah untuk mencadangkan agar Pak Khir dianugerahkan Darjah Tertinggi Negara (Tun).

EraBaru

WADAH PERJUANGAN BANGSA

Datuk Idris Tulis

Dari Meja
PENERBIT

YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi
 Perdana Menteri Malaysia
 Pejabat Perdana Menteri
 Tingkat 1, Blok Timur
 Bangunan Perdana Putra
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62502 Putrajaya

25 Ogos 2006

YAB. Dato Seri Abdullah Yang Berhormat,

Assalamualaikum,

PER : YBHG TAN SRI MOHD KHIR BIN JOHARI

Dengan segala hormatnya, saya ingin memaklumkan bahawa kesihatan tokoh veteran UMNO yang tidak asing lagi, YBhg Tan Sri Khir bin Johari atau Pak Khir yang kini berusia 83 tahun, tidak berapa memuaskan dan membimbangkan terutama sekali selepas menjalani pembedahan kerana kesukaran membuang air kencing dan penyakit-penyakit lain. Apapun, beliau masih boleh bercakap dan mendengar hanya sukar untuk berjalan tanpa dipimpin.

Sementara itu, teringat saya kembali kepada satu peristiwa dimana Pak Khir telah mendedahkan pada hari kelahiran beliau yang ke-80 di kala mana Dato' Seri hadi sama pada malam itu apabila beliau berucap memberi penghargaan dan terima kasih dengan menyatakan bahawa apabila Dato' Seri mahu mengahwini Datin Ser Endon, Dato' Mahmood ada bertanya kepada Pak Khir samada Dato' Seri sesuai untuk dijadikan sebagai bakal menantunya dan suami kepada Datin Seri Endon. Beliau lalu menyokong pilihan Dato' Mahmood itu.

Sepertimana yang Dato' Seri sedia maklum, Pak Khir telah banyak berkorban dan menabur jasa dan bakti kepada bangsa dan negara sejak sebelum merdeka lagi selain dari menjadi menteri, naib presiden UMNO dan bekas Duta Besar negara ke Amerika Syarikat. Justeru itu, izinkan saya mencadangkan agar Pak Khir dianugerahkan dengan gelaran **'Tun'** sempena negara menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-49 pada 31 Ogos ini. Pada pendapat saya, masanya amat sesuai sekali kerana Pak Khir pernah berjuang bersama Bapa Kemerdekaan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Pura Al-Haj dan ayahanda Dato' Seri sendiri untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Saya sedar benar bahawa masanya agak suntuk untuk tujuan di atas tetapi saya bimbang tentang kesihatan Pak Khir dan tidak ada gunanya lagi jika beliau diberi anugerah selepas beliau tiada lagi bersama kita.

Saya harap Dato' Seri akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan saya ini yang mana kemungkinan besar Dato' Seri sendir sedang ataupun telah membuat keputusan untuk berbuat begitu sebelum menerima surat saya ini.

Saya sudah dengan ribuan terima kasih di atas pertimbangan Dato' Seri yang amat dihargai, diringi dengan doa agar Dato' Seri berada didalam sihat walafiat dan sentiasa didalam peliharaan Allah S.W.T untuk menjalankan tugas-tugas negara yang berat dan mencabar.

Yang Ikhlas,

Idris
DATUK IDRIS TULIS